

**Saman Fitnah Anwar Terhadap Khairy Dibicara 15 Jan
Bernama
7 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini pada Selasa menetapkan tiga hari mulai 15 Jan tahun depan untuk perbicaraan kes saman fitnah yang difailkan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berhubung ceramah politik di Kuala Kangsar, Perak.

Hakim Datuk Su Geok Yiam menetapkan demikian di dalam kamarnya dengan dihadiri peguam S. Prakash mewakili Anwar dan Sarah Abishegam mewakili Khairy.

Prakash memberitahu pemberita bahawa pihaknya akan memanggil tiga orang saksi.

Anwar memfailkan saman itu pada 7 Sept 2007 yang mendakwa Khairy, ketika itu Timbalan Ketua Pemuda Umno, memfitnahnya pada Ogos 2007 dalam satu majlis politik di Kuala Kangsar, Perak.

Anwar mendakwa kenyataan berbau fitnah itu disiarkan media cetak dan elektronik di negara ini pada 3 Ogos 2007.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686185>

